

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]**

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Tel. Bimbit (Setiausaha) 012-9433860 E-Mel Setiausaha [asrulsms@gmail.com](mailto:asrulsms@gmail.com) LamanWeb: [www.kobangi.com](http://www.kobangi.com)

---

**MINIT MESYUARAT KHAS-2 PRA-MAT30 LEMBAGA KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD BAGI SESI 2025-2026**

**Tarikh** : Hari Rabu, 29 April 2026 bersamaan 11 Zulkaedah 1447H

**Masa** : Jam 9:15 malam

**Tempat** : Bilik Mesyuarat, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

**Hadir (ALK)**

Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim (Pengerusi)	[8/8]
Hj. Asrulsani Shahnnon (Setiausaha)	[8/8]
Hj. Ahmad Denil Hasbullah (ALK)	[8/8]
Hj. Aminudin Md Desah (ALK)	[6/8]
En Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin (ALK)	[6/8]
Hj. Hussin bin Hj. Yunos (ALK)	[4/8]
Hj. Ahmad Sufie Munasir (ALK)	[6/8]

**Tidak Hadir (ALK) - Dengan Kenyataan :**

Prof. Dr. Hj Wan Mohtar Wan Yusoff (ALK)	[5/7]
Hj. Kamaruddin Mohamed (ALK)	[5/7]
Hj. Hamdi Othman (ALK)	[4/7]
Hj. Gazali Jaafar (Bendahari)	[6/8]
Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md. Saad (ALK)	[5/8]

**Turut Hadir:**

Hj. Othman Sodikin (Ketua JAD)	[3/8]
Ahmad Jamalulail bin Abdul Kadir (Anggota KOBANGI)	
Syazani bin Suhaifi (Anggota KOBANGI)	

**Tidak Hadir - Dengan Kenyataan :**

Hj. Ahmad Shamsuri Mohamad (Eksekutif Akaun)	[5/8]
--	-------

---

**Edaran:** Penolong Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Gombak/Hulu Langat Aras 7, Menara MPAJ,  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah 55100 KUALA LUMPUR

sk [amyrayusof@skm.gov.my](mailto:amyrayusof@skm.gov.my)

## **PERKARA 1 : JAWATANKUASA KERJA MAT30 PADA AHAD 14 JUN 2026 (DILAMPIRKAN)**

- 1.1 Mesyuarat ambil maklum bidang-bidang tugas MAT30 adalah mengikuti bidang-bidang tugas MAT29 dengan perubahan seperti berikut,
  - a. Penyediaan Jamuan : Muhammad Farahi Arif Tajul Ariffin
  - b. Edaran Laporan MAT30 (Hardcopy) – 120 salinan

**[MAKLUMAN: Semua]**

## **PERKARA 2 : AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-30 KOBANGI (DILAMPIRKAN)**

- 2.1 Mesyuarat ambil maklum bidang-bidang tugas MAT30 adalah mengikuti membincangkan format buku laporan MAT30 di mana perlunya lebih banyak infografik dalam laporan MAT30 daripada penulisan supaya dapat menarik perhatian lebih anggota-anggota KOBANGI.

**[MAKLUMAN: Semua]**

- 2.2 Mesyuarat bersetuju menukar gambar ALK yang sedia ada kepada gambar memakai baju batik KOBANGI serta bersongkok hitam.

**[TINDAKAN : SEMUA ALK]**

- 2.3 Mesyuarat bersetuju untuk meletakkan anugerah pencapaian KOBANGI dalam buku laporan MAT30.

**[TINDAKAN : SU]**

**AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30

Mesyuarat dimaklumkan jawatankuasa menentusahkan Draf Minit MAT30 adalah seperti berikut,

### **PELANTIKAN ENAM (4) ANGGOTA LEMBAGA**

1. Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim ( Pengerusi )
2. Hj. Asrulsani bin Shahnnon
3. Hj. Ahmad Sufie bin Munasir
4. Hj. Gazali bin Jaafar

### **PELANTIKAN ENAM (6) ANGGOTA KOBANGI**

1. Hj. Othman Bin Sodikin
2. Hamdan Bin Ghazali
3. Hj. Ahmad Shamsuri Bin Mohamad
4. Syazani Bin Suhaifi
5. Hj. Abdul Mutalib Bulin
6. Hj. Abdul Karim bin Mhd Sarif

**AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 yang berlangsung pada Ahad, 15 Jun 2025.

**AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2025-2026.

Bahagian-bahagian yang terlibat adalah,

- a) Bahagian Korporat dan Media : Hj. Asrulsani bin Shahnnon
- b) Bahagian Kewangan dan Perolehan : Hj. Gazali bin Jaafar

- c) Bahagian Operasi : Hj. Ahmad Sufie bin Munasir
- d) Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik : En. Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin
- e) Bahagian Keanggotaan : Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
- f) Bahagian Syariah dan Kebajikan : Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad
- g) Jawatankuasa Audit Dalaman : Dr. Hj. Othman bin Sodikin

Format laporan adalah seperti berikut,

- a. Ahli Jawatankuasa
- b. Fungsi
- c. Pencapaian
- d. Perancangan

Mesyuarat mengambil maklum tarikh akhir untuk menghantar laporan setiap bahagian adalah pada hari Ahad 10 Mei 2026.

Mesyuarat juga mengambil maklum JAD akan membuat pengauditan dokumen-dokumen KOBANGI pada 7 Mei 2026 pukul 2:30 pm bertempat di pejabat KPIB.

JAD juga akan membentangkan laporan JAD kepada ALK pada hari Ahad 10 Mei 2026 pukul 9:00 pagi.

**[TINDAKAN : Semua Ketua Bahagian]**

**AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025.

**[TINDAKAN : Bahagian Kewangan]**

**AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2026-2027.

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 4 orang ALK telah tamat giliran 3 tahun dan perlu mengosongkan jawatan ALK masing-masing iaitu,

- a. Hj. Gazali Jaafar
- b. Dr Ustaz Jamir Md Saad
- c. Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin
- d. Hamdi Othman

Mesyuarat dimaklumkan secara lazimnya 4 orang ALK yang mengosongkan jawatan ALK di lantik semula.

**AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2027.

**[TINDAKAN : Bahagian Kewangan]**

**AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2026.

Mesyuarat bersetuju untuk melantik semula MNZWAJA PLT sebagai juruaudit KOBANGI untuk sesi tahun 2026-2027.

**AGENDA 8:** Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.

Mesyuarat bersetuju untuk berbincang dan memaklumkan kepada anggota tanggungjawab ruang lingkup dan had pelaburan daripada keuntungan bersih di serahkan kepada ahli Lembaga koperasi untuk ditangani.

**AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.

Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan had keberhutangan koperasi kepada RM10 juta.

**AGENDA 10:** Menimbang usul-usul bertulis yang diberikan kepada Setiausaha selewat-lewatnya pada Ahad, 7 Jun 2026, jam 12:00 tengahari.

Mesyuarat bersetuju untuk Bahagian Keanggotaan mengemukakan usul dan tindakan perihal anggota-anggota yang bermasalah seperti berikut. Usul ini perlu di bincangkan dalam MAT30 dan diputuskan dengan tindakan yang sewajarnya. Antara kategori dan tindakan yang dicadangkan adalah,

- a. **Kategori 1 :** Anggota yg meninggal tapi saham masih dalam kobangi.  
**Tindakan :** Masukkan ke akaun saham khas.
- b. **Kategori 2 :** Anggota yg tidak dapat di kesan setelah bermacam usaha telah di lakukan.  
**Tindakan :** Masukkan saham anggota ke dalam tabung wang tidak dituntut.
- c. **Kategori 3 :** Anggota yg mempunyai saham kurang RM500.  
**Tindakan :** Memberi tarikh akhir untuk anggota menambah saham iaitu 31 Disember 2026, sebelum di keluarkan anggota daripada KOBANGI.

**[TINDAKAN : Bahagian Keanggotaan]**

Mesyuarat juga mengambil maklum perlunya ALK membincang sebarang usul yang dikemukakan sebelum MAT30.

**AGENDA 11:** Membincangkan hal-hal lain.

**AGENDA 12:** Ucapan Penangguhan


Disediakan:



**[HJ ASRULSANI BIN SHAHNON]**

Setiausaha Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2025-2026

Disahkan:



**[PROF. DATUK MOHD. YUSOF BIN KASIM]**

Pengerusi Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2025-2026

## JAWATANKUASA KERJA MAT30 PADA AHAD 14 JUN 2026

1. **Penasihat** : Pengerusi Kobangi
2. **Ketua JKK** : Setiausaha Kobangi
3. **Bidang Tugas (Hari Majlis – Ahad 14 Jun 2026)**
  - a) **Pengacara Majlis** : Hj. Ahmad Sufie Munasir
  - b) **Bacaan Doa** : Ustaz Abdul Jamir Md Saad
  - c) **Pengerusi Mesyuarat** : Datuk Mohd Yusof Kasim
  - d) **Pendaftaran Online & Admin ZOOM Meeting** : Setiausaha dibantu oleh Jamal dan Syazani.
  - e) **Pendaftaran Fizikal** : Hj. Gazali Jaafar dibantu oleh Hj Ahmad Shamsuri Mohamad & Hj. Hamdi Othman.
  - f) **Penyambut Tetamu** : Hj. Ahmad Denil, Prof. Dr Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff, Hj Hussin Yunos dan ALK yang berkelapangan.
  - g) **Penyediaan Jamuan** : En Muhd. Farahi Arif Tajul Ariffin
  - h) **Penyambut Tetamu Dewan Makan** : Hj Aminudin Md Desah & Hj Kamaruddin Muhamed.
  - i) **PA Sistem/Projector/Internet & WiFi** : Setiausaha dibantu oleh Jamal dan Syazani.
  - j) **Penyediaan Laporan Mesyuarat** : Setiausaha dibantu oleh Hj. Ahmad Denil

### 4. Bidang Tugas (Pra MAT30)

- a) **Pendaftaran Online** : Setiausaha dibantu oleh Jamal & Syazani.
- b) **Persiapan Sistem Penyampaian** : Setiausaha dibantu oleh Jamal & Syazani.
- c) **Persiapan Dewan dan Pentas** : En Muhd. Farahi Arif Tajul Ariffin dibantu oleh Jamal (Bantuan dari ALK lain jika perlu)
- d) **Edaran Laporan MAT30 dan lain lain** : Setiausaha dibantu oleh Hj. Ahmad Denil & Jamal. (120 copies)
- e) **Tempahan Makanan dan Minuman** : Hj. Ahmad Sufie Munasir ( Kehadiran MAT30 - ~70 orang)

### 5. Bidang Tugas (Pasca MAT30)

- a) **Pengumpulan Data Kehadiran (Fizikal & Zoom): Jamal & Syazani**
- b) **Kebersihan Dewan: En Muhd. Farahi Arif Tajul Ariffin dibantu oleh Jamal (Bantuan dari ALK lain jika perlu)**

### 6. Lain-lain

Diminta Hj Ahmad Sufie Munasir memohon khidmat Petugas Keselamatan KPIB bagi mengawal keselamatan pada Majlis MAT30 sekiranya perlu.

## LAMPIRAN B

### AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30

- PERMULAAN:** Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.
- UCAPAN:** Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2025-2026.
- AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa (6 Anggota & 4 Anggota Lembaga termasuk Pengerusi) untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-30.
- AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 yang berlangsung pada Ahad, 15 Jun 2025.
- AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2025-2026.
- AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025.
- AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2026-2027.
- AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2027.
- AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2026.
- AGENDA 8:** Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.
- AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.
- AGENDA 10:** Menimbang usul-usul bertulis yang diberikan kepada Setiausaha selewat-lewatnya pada Ahad, 7 Jun 2026, jam 12:00 tengahari.
- AGENDA 11:** Membincangkan hal-hal lain.
- AGENDA 12:** Ucapan Penangguhan.